

## Pengenalan kepada Perakaunan: Soalan

**Arahan:** Bagi setiap pernyataan yang diberikan di bawah, nyatakan **andaian, prinsip atau batasan perakaunan** yang betul.

	<b>Pernyataan</b>	<b>Andaian / Prinsip / Batasan</b>
1	Nina, seorang peruncit, tidak merekod bayaran sewa rumahnya dalam buku perakaunan kedainya.	
2	Walaupun bangunan yang dimilik oleh perniagaan Rahim boleh dijual dengan harga RM150,000, nilai yang dicatat dalam buku adalah harga kos RM100,000.	
3	Perniagaan Hassan telah menetapkan kaedah garis lurus dalam pengiraan susut nilai aset bukan semasa perniagaan untuk semua tempoh perakaunan.	
4	Laporan kewangan disediakan berdasarkan catatan urus niaga dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.	
5	Mat Mekanik telah mengenakan bayaran sebanyak RM500 untuk perkhidmatan membaiki van perniagaan.	
6	Kos bagi perkhidmatan atau aset yang digunakan dalam satu tempoh berkenaan dibandingkan dengan hasil yang terperoleh untuk tempoh yang sama.	
7	Perniagaan diandaikan wujud untuk jangka masa yang panjang.	
8	Raju menjangkakan perniagaannya akan terus beroperasi dan tidak dibubarkan dalam jangka masa pendek.	
9	Pemilik perniagaan tidak merekodkan ansuran kereta peribadinya ke dalam akaun perniagaan.	
10	Semua aset perniagaan direkodkan berdasarkan harga belian dan bukan pada harga pasaran.	
11	Penyata kewangan sesebuah perniagaan disediakan pada akhir setiap tahun.	
12	Untung bersih perniagaan diukur secara perbandingan antara hasil dan belanja dalam tempoh perakaunan berkenaan.	